

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 11 MAR 2016

Taman Universiti Utama sapu empat anugerah ^{sd} 11/3/16

SHAH ALAM - Persatuan penduduk Taman Universiti Utama, Seksyen 30 mengungguli empat daripada enam kategori yang dipertandingkan pada majlis Anugerah Hijau Zon Bersih Mini (Mini Zeebee) antara Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Shah Alam 2015 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Hotel Concorde, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, persatuan penduduk itu bergelar juara bagi kategori taman perumahan dan memenangi pembentangan korvensyen dan kitar semula melalui anu-

gerah kriteria penjurian.

Bahkan mereka turut terpilih bagi kategori amalan terbaik menerusi anugerah khas juri dan lebih membanggakan apabila Pengerusi MPP, Norhalim Sirome turut menjadi naib juara selaku Pengerusi MPP Mini Zeebee terbaik.

Norhalim yang pernah berkhidmat sebagai Ahli MBSA selama tujuh tahun berkata, kemenangan persatuan penduduk itu adalah hasil kerjasama dan tolak ansur antara penduduk.

"Kita juga lakukan satu inovasi terbaik dengan mengubah parit lama yang menakung air

menjadi kolam ikan dan taman rekreasi cantik sehingga menarik perhatian pihak MBSA," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui selepas majlis.

Menteri Besar, Datuk Mohamed Azmin Ali berkata, pihaknya kagum dengan kesungguhan penduduk yang menunjukkan kemahiran masing-masing dalam menjayakan program itu.

"Kerajaan negeri berhasrat beri peluang kepada pemenang Anugerah Mini Zeebee bagi kategori perumahan bertingkat untuk menyertai Skim Bantuan Baik Pulih Harta Bersama Bagi Pangsapuri (Ceria)," katanya.



Persatuan Penduduk Taman Universiti Utama, Seksyen 30 bergambar bersama Mohamed Azmin (lima, kiri) dan Ahmad Zaharin (empat, kiri) pada majlis itu, malam kelmarin.